

Geran RM5 juta naik taraf Institut Akhbar Malaysia

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Kabinet hari ini meluluskan cadangan Kementerian Penerangan untuk menaik taraf Institut Akhbar Malaysia (IAM) dengan geran pelancaran RM5 juta.

Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin memberitahu *Bernama* selepas mesyuarat mingguan Kabinet bahawa IAM akan dinaik taraf menjadi institusi kewartawanan untuk melatih wartawan dari dalam dan luar negara.

Katanya, struktur organisasi IAM yang baru akan mempunyai lembaga pengarah terdiri daripada wakil media, kerajaan dan sektor swasta yang bertindak sebagai pembuat, pemandu dan pemantau dasar serta

menetapkan arah pertumbuhan dan hala tuju institut.

Zainuddin berkata, IAM akan menjadi sebuah badan bebas yang pentadbirannya diketuai oleh seorang ketua eksekutif dan beberapa pegawai kanan dan tenaga pengajar.

"IAM yang baru seharusnya dikendalikan oleh golongan profesional media yang berwibawa dan komited," katanya.

IAM yang baru juga akan dijadikan 'syarikat berhad dengan jaminan' seperti Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Zainuddin berkata, Kementerian Penerangan akan menjadi pemegang saham terbesar dalam IAM dengan sokongan wakil-wakil

industri media dan bukan media.

Katanya, IAM hendaklah digerakkan untuk melatih wartawan dari dalam dan luar negara melalui kursus pendek atau kursus asas kewartawanan dan memberi pengiktirafan kepada wartawan profesional dan pelbagai kategori karya terbaik kewartawanan.

Ia juga akan menjalankan penyelidikan mengenai hal ehwal media, menerbitkan pelbagai bentuk buku serta menjalin kerjasama dan rangkaian dengan institusi antarabangsa yang mempunyai matlamat yang serupa.

Zainuddin berkata, beliau mahu melihat IAM mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti Institut Kewartawanan Antara-

bangsa (ID) di Berlin dan Yayasan Thompson di Cardiff.

Zainuddin berkata, geran RM5 juta yang diluluskan itu merupakan sumbangan secara *one-off* bagi membolehkan IAM memula dan melaksanakan tanggungjawab barunya.

Katanya, IAM akan berusaha untuk mendapatkan sumbangan berjumlah RM5 juta lagi daripada ahli-ahlinya yang terdiri daripada pertubuhan media, termasuk media arus perdana, selain daripada syarikat korporat.

"IAM dijangka dapat menjana pendapatannya sendiri melalui aktiviti yang dijalankan," katanya.

Zainuddin berkata, peranan dan fungsi

baru IAM adalah bertepatan bagi menjamin bidang kewartawanan di negara ini terus berperanan sebagai pemangkin kemajuan negara selain memberi peluang kepada wartawan luar negara memahami situasi sebenar di negara ini.

IAM ditubuhkan lebih 30 tahun lalu untuk mengambil alih peranan South East Asia Press Centre sebagai institusi latihan bagi wartawan dari negara ini dan rantau Asia Tenggara.

Ia menerima geran tahunan RM200,000 daripada Kementerian Penerangan untuk membiayai kegiatannya dengan dibantu oleh sumbangan syarikat swasta.

- Bernama